

## Tepati amalan demokrasi: Abdullah

PETALING JAYA, Khamis - Penawaran diri tujuh orang bagi merebut tiga kerusi Naib Presiden Umno pada pemilihan parti Oktober ini merupakan sesuatu yang sihat dan menepati amalan demokrasi parti.

Anggota Majlis Tertinggi Umno, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, yang juga seorang daripada mereka yang mendaftar untuk bertanding merebut satu daripada tiga kerusi itu berkata: "Saya percaya ia akan menjadi satu pertandingan yang sihat... Terpujanglah kepada anggota Umno untuk menentukan siapa yang layak menduduki jawatan itu."

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Forum Hal-Ehwal Antarabangsa Untuk Diplomat Muda Asean 1996 di sini.

Ketika ditanya mengenai laporan bahawa Filipina akan mencadangkan supaya penyertaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) dibuka kepada negara-negara lain menjelang tahun 2000, Abdullah, yang juga Menteri Luar berkata, Filipina perlu menjelaskan cadangan itu dengan lebih lanjut.

"Kita perlu bincang dulu untuk mengetahui cadangan Filipina itu dengan lebih terperinci," katanya. - Bernama